

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2014

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGURANGKAN PERBELANJAAN AWAM (Tambahan Kepada Pekeliling Bendahari Bil 2 Tahun 2014)

TUJUAN

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang garis panduan perbelanjaan secara berhemat bagi mengurangkan perbelanjaan awam selaras dengan 11 langkah penjimatan yang diumumkan oleh Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk berbelanja secara berhemat, Universiti menerimapakai Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2014 bagi melaksanakan 11 langkah bagi mengurangkan perbelanjaan awam bermula 1 Januari 2014 sebagaimana Pekeliling Bendahari Bil 2 Tahun 2014.

LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN

Imbuhan Tetap Keraian

3. Imbuhan Tetap Keraian bagi Pegawai Kanan Universiti dikurangkan di antara 5 hingga 10 peratus seperti berikut:

Gred	Peratus
Jawatan Utama Sektor Awam(JUSA)/Gred Khas C	5%
JUSA/Khas B	6%
JUSA/Khas A	8%

Kemudahan Bayaran Tol

4. Kemudahan bayaran tol yang diberi kepada Pegawai Kanan Kerajaan adalah dikurangkan sebanyak RM50.00 bagi Gred JUSA/Khas C hingga A. Kemudahan ini hanya terpakai bagi Pegawai di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kelayakan Tiket Penerbangan Dan Perjalanan Ke Luar Negara

5. Selaras dengan perenggan 3.1(vii) dalam Pekeliling Bendahari Bil 2 Tahun 2014 Langkah Penjimatan Universiti Malaysia Pahang, kelayakan kelas tempat duduk Pegawai adalah dipinda bagi perenggan 7.2.1 dan 7.2.2 Pekeliling Bendahari Bil 5 Tahun 2011 seperti berikut:

5.1 Penerbangan domestik

Gred	Kelas
JUSA/Khas B dan ke atas	Perniagaan
JUSA/Khas C dan ke bawah	Ekonomi

5.2 Penerbangan antarabangsa

Gred	Kelas
JUSA/Khas A dan ke atas	Satu
JUSA/Khas B Dan C	Perniagaan
Gred 54 dan ke bawah	Ekonomi

6. Keperluan perjalanan atas tugas rasmi ke luar negara adalah dihadkan kepada maksimum (4) kali setahun. Perjalanan ke luar negara hendaklah mendapat kelulusan Naib Canselor dengan syarat mempunyai peruntukan dan justifikasi yang jelas.

Kos Utiliti Elektrik

7. Usaha pengurangan penggunaan utiliti seperti elektrik, air dan alat perhubungan hendaklah sentiasa dilaksanakan dengan pembudayaan amalan berjimat cermat. Universiti menasaskan penjimatan sebanyak 5 peratus kos utiliti elektrik pada tahun 2014.

Pengubahsuaian Ruang Pejabat

8. Semua permohonan baharu bagi pengubahsuaian ruang pejabat adalah dibekukan kecuali atas kepentingan penyampaian perkhidmatan dengan kelulusan Pengurusan Universiti.

Sewaan Ruang Pejabat

9. Universiti hendaklah mengoptimumkan penggunaan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan sewaan premis bagi kegunaan sebagai pejabat. Semua cadangan untuk menyewa pejabat baharu/tambahan sewaan ruang pejabat tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan.

Pelantikan Perunding

10. Pelantikan perunding (*consultant*) untuk projek-projek fizikal Kerajaan termasuk menjalankan kajian kemungkinan/kesesuaian (*feasibility study*) dan juga perunding-perunding pengurusan yang lain (*management consultant*) hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) untuk kelulusan.

Penggunaan Syarikat Pengurusan Acara (*Event Management*)

11. Universiti hendaklah mengurangkan penggunaan syarikat pengurusan acara (*event management*) serta pemberian saguhati dan cenderamata semasa penganjuran persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel/retreat/majlis rasmi Universiti dan sebagainya.

Makanan dan Minuman

12. Universiti hendaklah mengurangkan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan/seminar/pameran/ mesyuarat/kursus/bengkel/ majlis rasmi Universiti dan sebagainya.

Kain Pemidang (*bunting* dan *banner*)

13. Universiti hendaklah mengurangkan penggunaan kain pemidang (*bunting* dan *banner*) bagi penganjuran persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/ bengkel/majlis rasmi Universiti dan sebagainya.

Strategi Lautan Biru Kebangsaan

14. Universiti juga digalakkan mengaplikasikan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dengan mengoptimumkan penggunaan Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) dan juga kemudahan di institusi latihan milik Kerajaan bagi penganjuran persidangan/seminar/pameran/kursus/bengkel dan sebagainya.

ARAHAN-ARAHAN UMUM

15. Langkah-langkah penjimatan ini hendaklah dipatuhi dan perlu dibaca bersekali dengan garis panduan perbelanjaan berhemat lain yang sedang berkuatkuasa.

TARIKH KUAT KUASA

16. Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa dari tarikh 2 Januari 2014.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

30 Januari 2014

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar